

Sumbangan dari kilang elektronik

Kilang-kilang elektronik boleh memberi sumbangan besar mengurangkan pengangguran di negara ini sebagaimana yang dibuatnya sekarang dan boleh memberi sumbangan yang tidak kurang besarnya ke arah itu sekiranya ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju di mana terdapat ramal kaum bella memerlukan pekerjaan.

Datuk Seri Dr Mahathir telah mengesyorkan supaya ditukar aliran penempatan kilang-kilang elektronik ini kerana kesannya yang nyata sekali dari segi sosio-ekonomi. Timbalan Perdana Menteri berpendapat sekiranya kilang-kilang elektronik itu ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju yang mempunyai ramal bella menganggur, maka cara itu akan dapat menolong mengurangkan penghijrahan bella ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan.

Memang benar bahawa pada masa ini tumpuan perusahaan elektronik ialah ke kawasan-kawasan maju seperti Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Inilah sebabnya ramai bella menganggur bertumpu ke negeri-negeri tersebut untuk mencari pekerjaan di kilang-kilang elektronik dan kilang-kilang lain juga yang memilih kawasan-kawasan maju ini.

Datuk Seri Dr Mahathir telah juga mengesyorkan supaya dikaji semula kedudukan industri tersebut supaya selaras dengan keperluan dan matlamat sosio-ekonomi negara ini dalam kontek pencapalannya pada tahun-tahun tujuh puluhan dan masa hadapannya pada tahun-tahun lapan puluhan. Beliau berkata kawalan ke atas penempatan kilang-kilang elektronik ini perlu diberi pandangan berat.

Dalam hubungan ini haruslah pula disebut bahawa kilang-kilang elektronik dan kilang-kilang lain jua mungkin dapat diadakan juga di tempat-tempat seperti yang disyorkan oleh Timbalan Perdana Menteri kalau ada segala kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan. Pulau Pinang, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka, juga Perak, boleh dikatakan penuh dengan kemudahan-kemudahan ini walaupun di setengah-setengah tempat masih tidak ada apa-apa.

Sementara itu bella-bella menganggur yang akan diambil itu juga harus dapat menjadikan diri mereka cepat-cepat mahir dan cekap dalam pekerjaan masing-masing, kerana seperti yang diketahui, bidang perkilangan memang banyak persaingannya, samada hasil pengeluarannya untuk kegunaan dalam negeri atau untuk eksport. Dengan lain-lain perkataan mutu pengeluaran kilang-kilang ini perlu juga dikawal untuk mengatasi sebarang persaingan.